

PENERAPAN KATA GANDA DALAM KAMUS-KAMUS MELAYU

Ibrahim Ahmad

Abstrak

Kajian yang menggunakan pendekatan deskriptif perbandingan ini bertujuan untuk mencari titik persamaan dan perbezaan pengendalian kata ganda antara beberapa buah kamus Melayu. Kajian secara interteks ini memilih *Kamus Wilkinson*, *Kamus Windstedt*, *Kamus Dewan (KD)* dan *Kamus Besar Bahasa Indonesia (KBBI)* atas dasar peranannya sebagai sebuah kamus ekabahasa berwibawa yang menjadi pegangan dan rujukan utama dari aspek kebahasaan dan kosa kata. Kajian ini memberi fokus kepada dua aspek penting iaitu penulisan kata ganda dan pola penerapannya dalam kamus. Pola penerapannya mencakup status masukan kata ganda dalam kamus sama ada bersifat lema, prakategori, sublema, rangkai kata, variasi, dan rujuk silang. Ini termasuklah pola setara dan tidak setara yang wujud dalam kata dan terbitan kata yang mengalami penggandaan serta pengertian longgar tentang status kata ganda yang dikacaukan sebagai gabungan kata atau kata majmuk dalam kamus. Di samping itu disentuh juga pemerian makna yang menampilkan beberapa keunikan, terutamanya untuk kata ganda yang berasosiasi dan berkorelasi maknanya yang jelas berbeza daripada dapatan data korpus. Dengan memanfaatkan beberapa teori linguistik dan sumber korpus, kajian ini cuba menampilkan beberapa dapatan yang mencetuskan ketidakseragaman dan kerancuan dalam kamus-kamus tersebut. Beberapa cadangan telah diajukan dan semuanya mengacu kepada usaha memberi input penting kepada dunia leksikografi Melayu dan sekali gus memantapkan kegiatan kodifikasi bahasa, terutamanya dalam rangka kerja menobatkan kamus ekabahasa Melayu/Indonesia di pentas dunia.

Abstract

This descriptive comparative study is to find out the similarities and differences in the use of reduplication forms in Wilkinson Dictionary, Winstedt Dictionary, Kamus Dewan (KD) and Kamus Besar Bahasa Indonesia (KBBI). The intertext approach in this study chooses this dictionaries as they are regarded as the most authoritative and renowned dictionaries which becomes a main source of references for vocabulary and linguistic inputs. This study is focused on two major aspects, namely the description of the reduplication forms in the Malay language, and the status of the reduplication forms in the dictionary either as a lemma, sublemma, pracategorical form, phrase, variant, or cross-reference. This also includes the parallel and non parallel forms which occurs in the headword and their derived forms, and loosely interpretation about the reduplication forms in the entry which is treated as a compound words. The meaning description deals with the semantic aspect of the reduplication forms to show whether they bear the lexical meanings or grammatical meanings. The meaning description reveals certain unique senses, particularly certain reduplication forms to show whether they bear the lexical meanings or grammatical meanings. The meaning description reveals certain unique senses, particularly certain reduplication forms which are associated and correlated in meanings that are different from the corpus. Based on various linguistic theories and corpus sources, this study tries to highlight certain issues that create some of the irregularities and dissimilarities encompassing the entry status. Hence, certain suggestions have been put forward so as to give some important and valuable inputs to the development of Malay lexicographic world, and at the same time to strengthen the language codification, particularly in elevating Malay/Indonesian monolingual dictionaries to the world class.

Ahli leksikografi dan ahli metaleksikografi berpendapat bahawa ruang lingkup disiplin perkamusan, atau pada prinsip ilmunya dikenali sebagai leksikografi, merentas suatu spektrum ilmu yang cukup luas. Seperti kata Gleason (dalam Zgusta, 1971:15), "*the theory of lexicography is connected with lexical system, semantic, lexicology, grammar, stylistic, morphology. the dictionary ... the meeting place of all systems linguistic and non linguistic which bear relevantly on speech behaviour.*" Salah satu input dalam disiplin leksikografi ialah morfologi yang merupakan cabang tatabahasa yang mengkaji struktur, bentuk, dan golongan kata. Bentuk kata yang mendasari kamus ialah leksem. *Kamus Linguistik* (1997:66), mentakrifkan

leksem sebagai unit asas yang bermakna bagi kosa kata sesuatu bahasa berbanding dengan unit tatabahasa, iaitu morfem dan unit semantik, iaitu semen. Manakala Lipka (1992:73), menyifatkan leksem sebagai “*a complete sign on particular linguistic level namely lexicon.*” Dengan kata lain, leksem ialah bentuk abstrak yang menjadi asas kepada bentuk-bentuk kata yang lain (Abdullah Hassan, 1984:2), atau berperanan sebagai bahan baku dalam proses morfologi (Harimurti, 1989:10). Morfologi dilihat sebagai subsistem yang berupa proses mengolah leksem menjadi kata. Yang berperanan sebagai input dalam proses itu ialah leksem sebagai unit leksikal sedangkan kata sebagai unit tatabahasa berperanan sebagai output.

Kata sebagai unit terkecil dalam sintaksis dan unit terbesar dalam morfologi, ditandai oleh morfem sebagai unit-unit tatabahasa yang menjadi unsur pembentukan sesuatu kata. Kata yang menjadi lema atau sublema dalam kamus mempunyai ciri bebas, bermakna leksikal, mempunyai kelas, bentuk yang utuh, dan berpotensi diperluas status katanya. Berdasarkan *Tatabahasa Dewan* (1996: 61), bentuk-bentuk yang terhasil daripada proses pembentukan kata terdiri daripada bentuk kata tunggal, bentuk kata terbitan, bentuk kata majmuk, dan bentuk kata ganda.

PENULISAN KATA GANDA DALAM KARYA LINGUISTIK MELAYU/INDONESIA

Sejarah morfologi, khususnya kata ganda dalam karya linguistik Melayu dan Indonesia telah bermula agak lama. Tokoh-tokoh sarjana Barat seperti Holander, Van Wijk, dan Ophuijsen telah merintis jalan ke arah bermulanya tradisi kajian morfologi Melayu yang kemudiannya diikuti oleh sarjana bahasa tempatan yang memberi perspektif baru mengikut acuan linguistik bahasa Melayu (BM) dan bahasa Indonesia (BI).

Za‘ba merupakan tokoh bahasa terawal yang memberi huraian tentang kata ganda. Za‘ba berpendapat bahawa penggandaan ialah sesuatu perkataan diulang sebutannya dua kali, atau ditambahkan kepadanya suatu sebutan lain yang seakan-akan sama bunyinya (1965:230–235). M. Ramlan (1978:38–46), berpendapat bahawa proses pengulangan atau reduplikasi ialah pengulangan bentuk, baik seluruhnya mahupun sebahagian, baik dengan variasi forem mahupun tidak. M.D. Simatupang (1983:17) berpendapat bahawa reduplikasi ialah proses morfemis yang mengubah bentuk kata yang dikenalnya. Asmah Haji Omar (1986:225–248), berpendapat bahawa kata ganda ialah proses mengulangi sesuatu perkataan, seluruhnya atau pada bahagian-bahagian tertentu. Nik Safiah (1996:77–79),

menyifatkan penggandaan sebagai proses yang menggandakan kata dasar. Berdasarkan pandangan-pandangan ini, dapat disimpulkan bahawa kata ganda ialah bentuk kata yang dihasilkan dengan menggandakan atau mengulangi kata dasar secara keseluruhan atau sebahagian.

BENTUK KATA GANDA

Terdapat pelbagai pandangan dan tanggapan tentang bentuk kata ganda yang wujud dalam BM dan BI. M. Ramlan (1978:38), berpendapat bahawa ada empat bentuk kata ganda.

- i. **Pengulangan seluruh**, iaitu pengulangan seluruh bentuk dasar, tanpa perubahan fonem dan tidak berkombinasi dengan proses pembubuhan afiks (*buku* → *buku-buku*, *kebaikan* → *kebaikan-kebaikan*)
- ii. **Pengulangan sebahagian daripada bentuk dasar**. Hampir semua bentuk dasar pengulangan golongan ini berupa kata kompleks. Misalnya:
 - bentuk *me-N-* (*mengambil* → *mengambil-ambil*, *membaca* → *membaca-baca*);
 - bentuk ber-*an* (*berlarian* → *berlari-larian*, *berjauhan* → *berjauh-jauhan*)
 - bentuk *-an* (*minuman* → *minum-minuman*, *makanan* → *makan-makanan*)
- iii. **Pengulangan yang berkomunikasi dengan proses pembubuhan afiks**, seperti *anak* → *anak-anakan*, *rumah* → *rumah-rumahan*, *dalam* → *sedalam-dalamnya*.
- iv. **Pengulangan dengan perubahan fonem**. Misalnya:
 - perubahan fonem vokal (*robek* → *robak-robek*, *serba* → *serba-serbi*)
 - perubahan fonem konsonan (*lauk* → *lauk-pauk*, *ramah* → *ramah tamah*)
 - bentuk ber- (*berjalan* → *berjalan-jalan*, *bermain* → *bermain-main*);

Arbak (1981:30), membahagikan kata ganda kepada dua jenis:

- i. **Kata ganda tulen**
 - a. Pengulangan seluruh - *sekolah-sekolah*, *budak-budak*
 - b. Pengulangan sebahagian - suku kata awal (*laki* → *lelaki*, *daun* → *dedaun*)

suku kata akhir (*perlahan* → *perlahan-lahan*)

ii. **Kata ganda berentak**

- a. Kata ganda suku berentak - kata ganda berentak suku kata awal (*beli-belah*)
kata ganda berentak suku kata akhir (*cerai-berai*)
- b. Kata ganda berentak bunyi - *dolak-dalik, gunung-ganang*

Seterusnya, terdapat pandangan lain yang dikemukakan oleh M.D. Simatupang (1983:17), yang membahagikan reduplikasi kepada tiga bentuk.

i. **Reduplikasi morfemis**

a. Reduplikasi penuh

- reduplikasi tanpa afiks (*anak-anak, rumah-rumah*)
- reduplikasi dengan afiks
- reduplikasi dengan prefiks (*memukul-mukul, pukul-memukul*)
- reduplikasi dengan simulfiks (*keanak-anakan, melambai-lambaikan*)
- reduplikasi dengan sufiks (*besar-besaran*)
- reduplikasi dengan infiks (*gilang-gemilang*)

b. Reduplikasi penuh dengan perubahan fonem

- reduplikasi tanpa afiks (*sayur-mayur, bolak-balik*)
- reduplikasi dengan afiks (*beramah-tamah*)
- reduplikasi dengan simulfiks (*keramah-tamahan*)

ii. **Reduplikasi parsial**

- reduplikasi dengan afiks (*dedaunan*)

iii. **Reduplikasi semantis**

- reduplikasi tanpa afiks (*sopan santun*)
- reduplikasi dengan afiks (*menghancur leburkan*)

Asmah Haji Omar (1986:225–248), telah membuat suatu rincian yang menarik tentang bentuk kata ganda seperti berikut. Beliau membahagikan kepada sembilan bentuk kata ganda dengan rincian berdasarkan kelas kata bahasa Melayu.

Bentuk Pengandaan	Kata Nama	Kata Kerja	Kata Sifat	Adverba
Seluruh kata	<i>rumah-rumah putus-putus</i>		<i>baik-baik</i>	<i>dulu-dulu</i>
<i>tinggi-tinggi</i>	Melibatkan kata <i>hampir-hampir</i>		<i>orang-orang</i>	<i>buat-buat</i>
selapis dan <i>kata berlapis</i>	<i>fikiran-fikiran</i>	<i>makan-makan</i>	<i>sukar-sukar</i>	<i>nyaris-nyaris</i>
Kata Dasar				
Pada kata akar tidak melibatkan kata nama		<i>berbual-bual</i> <i>membaca-baca</i>	<i>sepandai-pandai</i> <i>setinggi-tinggi</i>	
Suku Kata Pertama	<i>tetamu, dedaunan</i>			
Pada kata akar dengan atau tanpa perubahan nilai bunyi vokal yang terdapat pada suku kata pengulung	<i>lelipan, lelangit</i> <i>kekura, lelaki</i>			
Berima				
Berlaku pada mana-mana unsur kata akar, sama ada suku kata konsonan dan vokal	<i>gunung-ganang</i> <i>serba-serbi</i> <i>sedu-sedan</i> <i>lekuk-lekak</i>	<i>mandi-manda</i> <i>bolak-balik</i>	<i>kacau-bilau</i> <i>gopoh-gapah</i> <i>karut-marut</i>	<i>serta-merta</i>
Menyalang				
Dibatasi kepada kata akar yang memasuki golongan kata kerja		<i>bantu-membantu</i> <i>pukul-memukul</i> <i>tawar-menawar</i>		
Suku Kata Akhir				
Hanya suku kata kedua dan ketiga				<i>pertama-tama</i> <i>segala-gala</i>

Bentuk Penggandaan	Kata Nama	Kata Kerja	Kata Sifat	Adverba
pada kata yang terdiri daripada tiga suku kata				
Bentuk ke-an Unsur kedua terdiri daripada kata akar yang mendapat morfem terikat				<i>lama- kelamaan</i>
Sisipan -em	<i>jari-jemari, tali-temali</i>			
<i>ber-</i>	<i>adik-beradik, anak-beranak</i>			

Seterusnya, Abdullah Hassan (1986:167–179), berpendapat bahawa penggandaan boleh berlaku kepada sebarang golongan kata dan tidak banyak perbezaan di antara setiap satunya. Baginya, terdapat empat jenis kata ganda berdasarkan kelas kata nama dan kata kerja. Manakala tiga jenis untuk kata keterangan dan kata sifat serta dua jenis untuk kata tugas.

i. Penggandaan Kata Nama

Jenis Penggandaan	Bentuk	Fungsi	Makna
Penggandaan Penuh	dasar diulang sepenuhnya tanpa perubahan	membentuk kata nama (<i>anai-anai</i>)	jamak (<i>akar-akar</i>) keseperuaan (<i>kuda-kuda</i>) nama haiwan
Penggandaan Menyalang	menerima sisipan -em terbitan	menghasilkan kata nama (<i>gunung-gemunung</i>)	banyak jenis (<i>tali-temali, gunung-gemunung</i>)
Penggandaan Konsonan	konsonan diulang, tetapi vokal berubah	kekal dalam kata nama	banyak jenis, gambaran bermacam-macam

Jenis Penggandaan	Bentuk	Fungsi	Makna
			(<i>cucu-cicit, gunung-ganang</i>)
Penggandaan Suku Kata	a. suku kata awal b. suku kata akhir	kata nama	4 suku kata awal (<i>bukit-bukau</i>); 6 suku kata akhir (<i>hutang-piutang</i>)

ii. Penggandaan Kata Kerja

Penggandaan Penuh	dasarnya diulang dua kali	kekal kata kerja	berulang-ulang, berpanjangan, keserupaan
Penggandaan Menyaling	gandaan penuh, tetapi ada imbuhan di tengah	terbit dan kekalkan kata kerja	salin berbalasan (<i>kasih-mengasahi, sahut-menyahut</i>)
Penggandaan Suku Kata	hanya satu suku kata, awal dan akhir	terbit dan kekalkan kata kerja	berulang-ulang atau melampau (<i>kacau-bilau lalu-lalang</i>)
Penggandaan (rentak) perubahan bunyi vokal	bunyi konsonan diulang dan bunyi vokal berubah seolah-olah berentak	terbit dan kekalkan	dilakukan dengan kuat (<i>bolak-balik, lekas-lekas luruh-larah, susup-sasap</i>)

ini. Penggandaan Kata Keterangan

Penggandaan penuh, pengandaan suku kata ganda rentak dan ganda tiga	terbit kata keterangan seperti waktu, ragam, tempat	bagaimana berlaku sesuatu kata keterangan (<i>pagi-pagi, lekas-lekas, mula-mula, lambat-lambat</i>)
---	---	---

id. **Penggandaan Kata Sifat**

Berlaku sepenuhnya atau sebahagiannya dan ada ganda tiga	terbit kata sifat	a. suatu kualiti (<i>cantik-cantik, gagah-gagah</i>) b. had dan ukuran bandingan (<i>lebar-lebar, dalam-dalam</i>)
--	-------------------	---

M. **Penggandaan Kata Tugas**

Sama dengan kata lain, sama ada penuh atau sebahagian	terbit kata tugas	memberi peringkat sesuatu keadaan (<i>jangan-jangan, kalau-kalau, mana-mana, amboi-amboi</i>)
---	-------------------	---

Harimurti (1989:88–103), membahagikan reduplikasi atau penggandaan seperti berikut.

i. **Reduplikasi Fonologis**

Dalam reduplikasi ini tidak terjadi perubahan makna kerana pengulangannya hanya bersifat fonologis.

ii. **Reduplikasi Morfemis**

Reduplikasi ini terjadi perubahan makna gramatikal atau leksem yang diulang sehingga terjadilah satuan yang berstatus kata.

iii. **Reduplikasi Sintaksis**

Reduplikasi ini merupakan proses yang terjadi atas leksem yang menghasilkan satuan yang berstatus klausa.

Bentuk reduplikasi diperincikan lagi menjadi empat bentuk seperti berikut.

Bentuk

Contoh

Dwipurwa (pengulangan suku pertama pada leksem dengan pelemahan vokal) *lelaki, tetangga, sesama*

Dwilingga (pengulangan leksem) *makan-makan, pagi-pagi*

Bentuk	Contoh
Dwilingga Salin Swara (pengulangan leksem dengan variasi fonem)	<i>mondar-mandir, pontang-panting, corat-coret, bolak-balik</i>
Dwiwasana (pengulangan bahagian belakang dari leksem)	<i>pertama-tama, perlahan-lahan, sekali-kali</i>

Liaw Yock Fang dan Abdullah Hassan (1994:166–167), membahagikan kata ganda kepada enam golongan

- i. **Kata ganda sempurna** - *kanak-kanak, murid-murid, rumah-rumah*
- ii. **Kata ganda tingkah**
 - a. Perubahan vokal (vokal berubah, konsonan tidak) – *bolak-balik, huru-hara;*
 - b. Perubahan konsonan (konsonan berubah, vokal tidak) – *hingar-bingar, lauk-pauk*
 - c. Persesuaian bunyi - *hiruk-pikuk, lintang-pukang, porak-peranda*
- iii. **Kata ganda sekerat** - *jejenang, kekuda, lelapi, lelaki, langit*
- iv. **Kata ganda sisipan** - *jari-jemari, tali-temali, turun-temurun*
- v. **Kata ganda semu** - *agar-agar, kunang-kunang, kura-kura*
- vi. **Kata ganda berimbuhan.** Misalnya

akhiran <i>-an</i>	-	<i>buah-buahan, mati-matian, tumbuh-tumbuhan.</i>
awalan <i>me-</i>	-	<i>melambai-lambai, melihat-lihat, menari-nari</i>
apitan <i>ber-an</i>	-	<i>beriring-iringan, berlari-larian, bersahut-sahutan</i>
apitan <i>se-nya</i>	-	<i>sebaik-baiknya, seboleh-bolehnya, setidak-tidaknya</i>

Dalam *Tatabahasa Dewan* (1996:77), para penulis buku ini membahagikan kata ganda kepada tiga bentuk:

- i. **Penggandaan penuh** - *pulau-pulau, buku-buku, suku-suku*
- ii. **Penggandaan separa** - *jejari, lelaki, rerambut, sesiku*

Penggandaan separa pada kata dasar yang berimbuhan:

- a. di bahagian belakang kata dasar - *berlari-lari, sependai-pandai*
- b. di bahagian hadapan kata dasar - *bantu-membantu, cintai-mencintai*

iii. **Penggandaan berentak**

- a. penggandaan berentak pengulangan vokal - *cerai-berai, kuih-muih, sayur-mayur*
- b. penggandaan berentak pengulangan konsonan - *bukit-bukau, kayu-kayan*
- c. penggandaan berentak bebas - *anak-pinak, saudara-mara, lintang-pukang*

Berdasarkan beberapa pandangan yang dikemukakan oleh sarjana bahasa Melayu/Indonesia, dapat dibuat rumusan bahawa ada lima bentuk kata ganda yang terdapat dalam BM dan BI. Lima bentuk kata ganda kata tersebut adalah seperti berikut.

i. **Kata ganda penuh** - Contohnya seperti *buku-buku, hampir-hampir, dan jangan-jangan*. M. Ramlan (1978:38), dan Arbak Othman (1981:30), menyebutnya sebagai pengulangan seluruh bentuk dasar. M. D. Simatupang (1983:17), mengklasifikasikannya sebagai reduplikasi penuh, Asmah Haji Omar (1986:225–248), sebagai penggandaan seluruh kata, Abdullah Hassan (1986:167), dan Nik Safiah (1996:77), sebagai penggandaan penuh, Harimurti Kridalaksana (1989:88), sebagai dwilingga, serta Liaw Yock Fang dan Abdullah Hassan (1994:166), menyebutnya sebagai kata ganda sempurna.

ii. **Kata ganda semu** - Contohnya seperti *agar-agar, anai-anai, biri-biri, dan laki-laki*. Tokoh-tokoh bahasa seperti Asraf (1995:202), Ismail Dahaman (1996:36), dan Liaw Yock Fang (1994:167), menyebutnya sebagai kata ganda semu.

iii. **Kata ganda separa** - Contohnya seperti *bebola, dedaun, jejari, lelabah, sesawi*. Tokoh-tokoh bahasa seperti Arbak Othman (1981:30) menyebutnya sebagai suku kata awal, M.D. Simatupang (1983:17), sebagai reduplikasi parsial, Asmah Haji Omar (1986:225–248), sebagai suku kata pertama, Liaw Yock Fang dan Abdullah Hassan (1994:167), sebagai kata ganda sekerat, dan Nik Safiah (1996:77), menyebutnya sebagai kata ganda separa.

iv. **Kata ganda berentak** - Contohnya seperti *cola-cala, kaya-raya, kusut-masai, sayur-mayur*. M. Ramlan (1978:38), menyebutnya sebagai

pengulangan dengan perubahan fonem vokal dan perubahan fonem konsonan, Arbak Othman (1981:30), sebagai kata ganda berentak (berentak suku dan berentak bunyi), M.D. Simatupang (1983:17), sebagai reduplikasi morfemis, iaitu reduplikasi penuh dengan perubahan fonem, Asmah Haji Omar (1986:225:248), sebagai kata ganda berima, Abdullah Hassan (1986:168), sebagai penggandaan konsonan, Harimurti Kridalaksana (1989:88), sebagai dwilingga salin swara, Liaw Yock Fang (1994:167), sebagai kata ganda tingkat, dan Nik Safiah menyebutnya sebagai kata ganda berirama atau kata ganda berentak.

- v. **Kata ganda berimbuhan**
- awalan (*berjalan-jalan, melambai-lambai, ter cari-cari*)
 - akhiran (*buah-buahan, kenang-kenangan*)
 - apitan (*berdua-duaan, mengalukan, memperamat-amatkan, kemanja-manjaan, sehari-harian*)
 - sisipan (*awan-gemawan, tali-temali, turun-temurun*)

Kata ganda separa berimbuhan - (*dedaunan, pepohonan*)

Kebanyakan ahli bahasa bersepakat tentang unsur-unsur imbuhan yang perlu ada dalam kata ganda berimbuhan. Bagaimanapun, terdapat beberapa pola dalam kata ganda berimbuhan dilihat dari perspektif yang berbeza oleh ahli-ahli bahasa. Misalnya, ada kata ganda berimbuhan yang mempunyai suku kata akhir (seperti *pertama-tama, perlahan-lahan, dan sekali-kali*) seperti pandangan Arbak Othman (1981:31), dan Asmah Haji Omar (1996:225–248). Harimurti Kridalaksana (1986:88), menyebut suku kata akhir ini sebagai dwiwasana. Di samping itu, terdapat beberapa pandangan lain yang mengatakan jika unsur imbuhan wujud pada komponen pertama, kata gandanya disebut kata ganda progresif. Jika unsur imbuhan wujud pada komponen kedua kata, kata ganda ini disebut kata ganda regresif (Harimurti Kridalaksana, 1989:103). Kata ganda regresif (seperti *bantu-membantu, cinta-mencintai, karang-mengarang, tawar-menawar*) disebut juga oleh Asmah Haji Omar (1986:225–248), dan Abdullah Hassan (1986:167) sebagai penggandaan menyaling. Di samping itu, terdapat juga pola kata ganda separa berimbuhan. M.D. Simatupang (1983:17), menyebutnya sebagai reduplikasi parsial yang mempunyai afiks.

Makna Kata Ganda

Di samping bentuk kata ganda yang dikaji oleh ahli-ahli bahasa, persoalan makna kata ganda juga diberi tumpuan. Berdasarkan kajian yang dibuat oleh Za'ba (1965:230–235), Asmah Haji Omar (1986:227), Harimurti (1989:88–103), Ramlan (1978:38–46), Nik Safiah dan rakan-rakan (1996:135–136), M.D. Simatupang (1983:17), dan Anton Moeliono (1993:167), pada umumnya makna kata ganda adalah seperti yang berikut:

Kata Ganda	Makna
<i>baik-baik, sihat-sihat</i>	interatif/pasti
<i>baring-baring, duduk-duduk</i>	bersantai
<i>entah-entah, jangan-jangan</i>	barangkali/mungkin
<i>asyik-asyik, lagi-lagi, berkali-kali</i>	berulang kali/intensif
<i>bolak-balik, lalu-lalang</i>	sering
<i>mana-mana</i>	barang apa pun
<i>mula-mula</i>	yang pertama
<i>hampir-hampir, nyaris-nyaris</i>	kurang sedikit
<i>pagi-pagi, malam-malam</i>	pagi sekali, larut malam
<i>dalam-dalam, lebar-lebar</i>	had atau ukuran bandingan
<i>bebola, gegelang, siku-siku, orang-orangan</i>	menyerupai sesuatu pada kata dasar
<i>bebiri, labi-labi, anai-anai</i>	fauna (makna tunggal)
<i>bawang-bawang, kekabu, sesawi</i>	flora (makna tunggal)
<i>kuih-muih, sayur-mayur, buah-buahan</i>	pelbagai jenis
<i>hina-dina, kering-kerontang, kusut-masai</i>	superlatif/sangat
<i>ipar-duai, mentua-taya, suku-sakat</i>	hubungan darah
<i>jungkang-jungkit, kolang-kaleng</i>	turun naik
<i>dedaun, gunung-ganang, berkotak-kotak</i>	jamak
<i>centang-perenang, serbah-serbih</i>	tidak tersusun
<i>keanak-anakan, keinggeris-inggerisan</i>	memiliki sifat seperti

Penerapan kata ganda dalam kamus-kamus ekabahasa Melayu/Indonesia bermula apabila kaedah penyusunan yang sebelumnya berupa daftar kata atau glosari, beransur-ansur berubah menjadi bentuk kamus. Sememangnya tradisi permulaan perkamusan Melayu/Indonesia bermula dengan disiplin yang agak longgar apabila bentuknya tidak menepati ciri-ciri sebuah kamus, tetapi lebih kepada bentuk daftar kata atau glosari. Fenomena ini telah memberi peluang kepada penyusun kamus memasukkan pelbagai maklumat

bersesuaian dengan konsep kamus sebagai ‘*the repository of the words of the language*’ (Jackson, 1991:35). Untuk menyokong keperluan praktis dalam bidang perkamusan, diperlukan ilmu leksikologi yang menangani ‘*the nature, meaning, history and use of words and word elements and often also with the critical description of lexicography*’ (McArthur, 1992: 606). Sebagai bidang ilmu yang bersifat antara disiplin, diperlukan pula ilmu-ilmu lain sebagai penunjang seperti semantik, pragmatik, fonologi, dan morfologi. Sehubungan dengan itu, morfologi sebagai lampiran yang menunjangi kamus telah mula dimasukkan bermula dengan kamus *A Dictionary of the Malayan Language*, susunan Marsden pada tahun 1812. Kamus ini disifatkan oleh Yusuf Hitam (1961:155), sebagai kamus Melayu pertama yang disusun secara saintifik dengan sistem ejaan rumi yang bentuknya berasaskan kerangka bahasa Barat. Kamus ini telah mula menerapkan unsur infleksi dan derivasi, tetapi tidak ada usaha untuk memasukkan kata ganda (Abdullah Hassan, 1984:5). Selepas itu muncul beberapa buah kamus seperti *A Grammar and Dictionary of Malay Language*, susunan John Crawford pada tahun 1852, yang ternyata tidak dapat menandingi kamus yang diusahakan oleh Marsden, dari segi persembahan entri dan penerapan bentuk morfologinya.

Untuk kajian ini, sebanyak empat buah kamus yang diterbitkan sepanjang abad ke-20 telah dipilih untuk melihat pola pengendalian kata ganda. Keempat-empat buah kamus ini dipilih berasaskan kedudukan penerbitan kamus-kamus tersebut yang mempengaruhi dunia perkamusan Melayu/Indonesia. Kamus tersebut ialah *A Malay-English Dictionary*, susunan R.J. Wilkinson pada tahun 1901, *Kamus Bahasa Melayu*, susunan R.O. Winstedt pada 1960, *Kamus Dewan (KD)* edisi ketiga dan *Kamus Besar Bahasa Indonesia (KBBI)* edisi kedua. Pola pengendalian kata ganda dalam kamus-kamus yang dipilih akan diteliti mengikut status masukannya, sama ada bertaraf lema (lem.), sublema (subl.), prakategori (prak.), rangkai kata (r.kt), variasi (var), dan rujuk silang (r.s.). Lema atau entri ialah kata masukan utama dalam kamus. Sublema atau subentri ialah bentuk masukan dalam kamus yang merupakan bahagian yang diturunkan dari lema. Hartmann (1998:133), menyebutnya sebagai “*either one of several numbered senses of a headword, or one of several associated derivative words or phrases, which can be clustered by means of nesting or niching.*” Prakategori dapat digolongkan sebagai morfem dasar yang belum mempunyai kelas, tetapi mempunyai makna leksikal yang keterikatannya pada imbuhan atau pada morfem dasar lain untuk membentuk kata. Rangkai kata disifatkan sebagai kelompok beberapa kata atau dalam *Kamus Linguistik* (1997:196), disifatkan sebagai frasa. Variasi merupakan bentuk yang

digunakan sebagai pilihan. Dalam KD terdapat dua variasi, yaitu variasi kata dan variasi ejaan (KD 1997:xxxviii). Rujuk silang merupakan tanda arah untuk menghubungkan kata dengan kata lain yang mempunyai keterikatan makna dan pemerriannya dalam sesebuah kamus. Bagi Svensen (1993:194), rujuk silang membantu pengguna kamus merujuk kepada sesuatu leksem atau kata pada kedudukan yang sebenarnya. Keenam-enam pola ini akan diberi fokus untuk menelusuri pola pengendalian kata ganda dalam kamus-kamus yang diterbitkan, termasuklah KD dan KBBI.

i. Wilkinson, R.J. 1959. *A Malay-English Dictionary*

A Malay-English Dictionary, susunan R.J. Wilkinson yang diterbitkan pertama kalinya pada tahun 1901, disifatkan oleh sarjana bahasa sebagai kamus dwibahasa yang terbesar dan bercirikan ensiklopedia Melayu klasik. Ada sarjana bahasa yang mengatakan kamus ini sebagai kamus filologi yang terbaik bersesuaian dengan konsep kamus filologi, iaitu sebuah kamus yang disusun dengan menggunakan koleksi manuskrip Melayu sebagai sumber kata dan mengemukakan contoh-contoh penggunaan kata-kata tertentu dengan memetik ayat-ayat yang ditemui dalam manuskrip Melayu tersebut (Siti Hawa Haji Salleh, 1994:11–13). Kosa kata kamus ini banyak memuatkan persuratan klasik di samping bidang sains seperti zoologi, tumbuh-tumbuhan dan sebagainya. Pola pemasukan kata ganda dapat dilihat seperti berikut.

Bentuk	Contoh	Status
Kata Ganda Semu	kanak.kanak-kanak	prak.
	kuda. kuda-kuda	subl.
	kura.kura-kura	prak.
	paru I.paru-paru	prak.
Kata Ganda Separa	lelabi	lem.
	lelaki	lem.
	peparu	lem.

Bentuk	Contoh	Status
Kata Ganda Berentak	gelap	
	G. gulita	r.kt
	komat.kumat-kamit	prak.
	lauk	
	L. pauk	r.kt
	pontang.pontang-panting	prak.
	susup. susup-sasap	subl.
Kata Ganda Berimbuhan	<i>i. akhiran</i>	
	bau.	
	bau-bauan	subl.
	sayur.	
	s-sayuran	r.kt
	tumbuh.	
	tumbuh-tumbuhan	subl.
	<i>ii. apitan</i>	
	biru.	
	kebiru-biruan	subl.
	<i>iii. sisipan</i>	
	awan	
A. kemawan	r.kt	
gilang		
G-gemilang	r.kt	

Ternyata Wilkinson sudah menerapkan secara serius beberapa bentuk kata ganda dalam kamus yang disusunnya. Dengan bersumberkan naskah dan manuskrip lama sebagai bahan korpus kamusnya, Wilkinson dapat mengetengahkan empat bentuk kata ganda yang dianggap dominan digunakan dalam bahasa Melayu, iaitu kata ganda semu, kata ganda separa, kata ganda berentak dan kata ganda berimbuhan. Berdasarkan statusnya dalam kamus, kecuali kata ganda separa yang garapannya agak seragam yang bertaraf sebagai lema, bentuk-bentuk kata ganda yang lain menampilkan kepelbagaian taraf pemasukannya. Bagi kata ganda semu, terdapat kepelbagaian status pemasukan sama ada sebagai prakategori atau sebagai

sublema. Untuk kata ganda berentak pula, ada yang bertaraf prakategori, rangkaian kata, atau sebagai sublema. Seterusnya, untuk kata ganda berimbuan, ada yang diberi taraf sebagai rangkaian kata atau sublema. Namun, kepelbagaian ini tidak sedikit pun menjejaskan kredibiliti kamus ini sebagai karya magnum opus perkamusan Melayu/Indonesia yang dihasilkan pada awal abad ke-20. Hal ini kerana sebagai sebuah kamus dwibahasa Melayu-Inggeris terawal, sudah ada keyakinan di kalangan sarjana Barat untuk menerapkan bentuk morfologi seperti ini dalam kamus-kamus yang disusun.

ii. Winstedt. Richard, 1960. **Kamus Bahasa Melayu**

Kemunculan R.O. Winstedt selepas itu telah menyemarakkan lagi aktiviti penyusunan kamus kerana Winstedt disifatkan sebagai sarjana British yang paling produktif dan paling banyak menyusun kamus Inggeris-Melayu. *Kamus Bahasa Melayu* mempunyai cara susunan dan pembutiran maklumat yang hampir sama dengan cara menangani kamus dwibahasa. Pola penerapan kata ganda dapat dilihat seperti berikut:

Bentuk	Contoh	Status
Kata Ganda Penuh	hampir...; hampir-h.	r.kt
	kalau...; kalau-k.	r.kt
Kata Ganda Semu	agar I...III..agar-a	r.kt
	kisi-kisi I	lem.
	kura I...II.kura-k.	r.kt
	laki...;laki-l.	r.kt
	paru-paru, peparu	lem
Kata Ganda Separa	kekabu = kabu-kabu	lem
	lelabah = labah-l.	lem
	lelaki = laki-laki	lem
Kata Ganda Berentak	cholar-chalar	lem
	kolang-kaleng	lem
	kusut	
	k.masai	r.kt

Bentuk	Contoh	Status
Kata Ganda Berimbuhan		
i. <i>awalan</i>	beR- jalan r.kt meN- kira mengira-(ngira)	subl.
ii. <i>akhiran</i>	-an bunga bung-bunga kenang kenang-kenangan	subl. subl.
iii. <i>apitan</i>	beR~~~an kaseh berkaseh-kasehan ke~~~an hitam kehitam-hitaman se~~~nya lewat sa-lewat-L.-nya	subl. subl. r.kt
iv. <i>sisipan</i>	ayun ayun-temayun gilang-gemilang	subl. lem.

Seperti Wilkinson, Winstedt juga berkecenderungan untuk memasukkan pelbagai bentuk kata ganda dalam kamus yang disusun. Dalam kamus ini, Winstedt telah memasukkan kelima-lima bentuk kata ganda yang dominan dalam BM. Pola pengendalian kata ganda penuh dan kata ganda separa agak seragam sehingga semua entrinya diberi status sama ada sebagai lema

atau sebagai rangkai kata. Namun dalam kata ganda semu, kata ganda berentak dan kata ganda berimbuhan menampakkan kepelbagaiannya sehingga ada bentuk kata ganda tersebut bertaraf lema, sublema dan rangkai kata. Bagaimanapun, usaha Wilkinson dan Winstedt harus dipuji kerana kedua-dua sarjana ini meletakkan asas yang kukuh dalam usaha menerapkan beberapa bentuk morfologi untuk kamus-kamus seterusnya. Walaupun terdapat pengertian yang longgar untuk beberapa kata ganda yang diklasifikasikan sebagai gabungan kata (*awan kemawan, gelap gulita, kusut masai, lauk pauk*), namun kedua-dua buah kamus ini sudah menggarap secara serius beberapa bentuk morfologi yang disifatkan sebagai salah satu faktor penunjang dalam aktiviti penyusunan kamus ekabahasa.

iii. **Kamus Dewan** (edisi ketiga 1994) dan **Kamus Besar Bahasa Indonesia** (edisi kedua 1997).

KD dan KBBI disifatkan sebagai kamus yang paling lengkap dan berwibawa yang menjadi pegangan negara masing-masing. Kedua-dua kamus ini menjadi rujukan autoritatif dari segi leksikal dan tatabahasa. Asmah Haji Omar (1987:16), berpendapat bahasa KD adalah kamus yang paling utama dan dijadikan landasan bagi rujukan makna perkataan Melayu. KD juga merupakan landasan bagi penyusunan kamus-kamus lain yang ada pada hari ini. Manakala KBBI disifatkan sebagai sebuah kamus ekabahasa mutakhir yang paling lengkap dengan kosa kata dalam pelbagai bidang ilmu. Kamus ini begitu penting dalam kerangka penyusunan kamus ekabahasa lainnya dan mempengaruhi proses penyusunan kamus di Nusantara termasuk Malaysia. Pola penerapan kata kedua-dua buah kamus ini dapat ditelusuri seperti yang berikut:

i. **Kata Ganda Penuh**

Kata Ganda	KD	Status	KBBI	Status
baik-baik	baik... baik-baik...	subl.	baik... baik-baik...	subl.
dalam-dalam	dalam dalam-dalam	subl.	dalam dalam-dalam	subl.
duduk-duduk	duduk...		duduk...	

Kata Ganda	KD	Status	KKBI	Status
	duduk-duduk...	subl.	duduk-duduk...	subl.
kalau-kalau	kalau... kalau-kalau	subl.	kalau-kalau	lem.
moga-moga	mentang; mentang-mentang, sementang	prak.	mentang, mentang-mentang	prak.
moga-moga	moga I; moga-moga, semoga	prak.	moga, moga-moga	prak.
pagi-pagi	pagi pagi-pagi	subl.	pagi pagi-pagi	subl.
rempah-rempah	rempah rempah-rempah	subl.	rempah rempah-rempah	subl.
sungguh-sungguh	sungguh sungguh-sungguh	subl.	sungguh sungguh-sungguh	subl.

Kata ganda penuh terhasil dengan menggandakan keseluruhan kata dasar. Kata ganda penuh juga diertikan sebagai pengulangan leksem (Harimurti, 1989:89). Sebahagian besar kata ganda penuh diletakkan sebagai sublema yang mendukung pelbagai makna. Misalnya, *baik-baik* (iteratif/pasti), *dalam-dalam* (had atau ukuran bandingan), *duduk-duduk* (bersantai), *kalau-kalau* (barangkali), *moga-moga* (optatif), *pagi-pagi* (pagi sekali), *rempah-rempah* (pelbagai jenis), dan *sungguh-sungguh* (kesangatan dalam erti untuk menguatkan keterangan yang terkandung dalam kata dasar). Bagaimanapun, kata ganda penuh yang membawa makna jamak seperti *buku-buku* dan *rumah-rumah* tidak dimasukkan ke dalam kamus. Pembatasan ini berlaku dalam kebanyakan kamus berasaskan tanggapan bahawa pola kata ganda penuh yang membawa makna jamak tidak memberi sumbangan yang signifikan dalam pemerian makna leksikal dan tatabahasa. Namun, terdapat juga yang diberi tataran sebagai lema seperti *kalau-kalau*. Harimurti (1983:121), berpendapat bahawa partikel ialah kata yang tidak dapat diderivasikan kerana partikel hanya mengandungi makna nahuan dan tidak mengandungi makna leksikal. Pengertian ini menyebabkan entri *kalau-kalau*

dalam KBBI dipisahkan sebagai lema. Bagaimanapun, penerapan sedemikian agak tidak konsisten dalam KBBI apabila entri yang bertaraf kata tunggal seperti *untuk*, *oleh*, *tentang* mempunyai derivasi meskipun mempunyai kelas kata partikel. Fenomena ini menimbulkan persoalan antara keperluan teori linguistik dan kepraktisan penerapannya di dalam kamus. Di samping itu, terdapat pola kata ganda penuh yang bertaraf prakategori. Entri *mentang-mentang* dan *moga-moga* memperlihatkan dua isu penting. Pertama, kemungkinan antara *mentang-mentang* dengan *sementang* atau antara *moga-moga* dengan *semoga* bersifat varian. Kedua-dua pola ini mempunyai makna yang sama dan boleh bertukar ganti. Kedua, penggolongan sebagai kata ganda penuh adalah tidak jelas kerana *mentang* dan *moga* tidak bermakna jika tidak digandakan. Apakah tarafnya boleh dianggap sebagai kata ganda semu? Hal ini juga menimbulkan persoalan kerana *sementang* atau *semoga* terbit daripada perkataan dasarnya *mentang* atau *moga* dan bukan daripada pola gandaan semu *mentang-mentang* dan *moga-moga*.

ii. Kata Ganda Semu

Kata Ganda	KD	Status	KBBI	Status
agar-agar	agar; agar-agar	prak.	agar-agar	lem.
anai-anai	anai; anai-anai	prak.	anai-anai	lem.
biri-biri	biri; biri-biri, bebiri...	prak.	biri-biri	lem.
cawi-cawi	cawi, cawi-cai, cecawi, cencawi	prak.	cawi cawi-cawi	subl.
jentik-jentik	jentik; jentik-jentik, jejentik	prak.	jentik-jentik	lem.
kabu-kabu	kabu; kabu-kabu, kekabu	prak.	kabu-kabu	lem.
karas-karas	karas; karas-karas, kekaras		karas-karas	lem.

Kata Ganda	KD	Status	KKBI	Status
kisi-kisi	kisi; kisi-kisi, kekisi	prak. prak.	kisi, kisi-kisi	prak.
kuda	kuda kuda-kuda, kekuda	subl.	kuda-kuda	lemb.
laki-laki	laki laki-laki, lelaki	subl.	laki laki-laki	subl.
langit-langit	langit langit-langit, lelangit	subl.	langit-langit	lem.
paru-paru	paru; paru-paru	prak.	paru-paru	lem.
tuban-tuban	tuban; tuban-tuban	prak.	tuban, tuban-tuban	prak.

Kata ganda semu terbentuk dengan menggandakan seluruh kata dasar kerana kata dasarnya tidak bermakna jika tidak digandakan. Misalnya, kata ganda seperti *agar-agar* dan *anai-anai* tidak terbit daripada kata *agar* dan *anai*. Terdapat ketidakseragaman status masukan dalam KD dan KBBI. Dalam KBBI, hampir semua kata ganda semu diberi tataran sebagai lema, seperti *agar-agar*, *anai-anai*, *biri-biri*, *jentik-jentik*, *kuda-kuda*, dan *paru-paru*. Dalam KD, belum diperlakukan sebagai lema, tetapi sebaliknya sebagai prakategori yang mempunyai unsur tidak setara (*agar; agar-agar, anai; anai-anai, paru; paru-paru, tuban; tuban-tuban*) atau yang mempunyai unsur setara (*biri; biri-biri, bebiri, jentik; jentik-jentik, jejentik*). Di samping itu, terdapat juga pola sublema dalam entri *laki* (*laki-laki*) dan entri *kuda* (*kuda-kuda*). Kepelbagaian pola ini diwarnai lagi dengan pola entri yang status masukannya bukan sahaja sebagai prakategori tetapi juga mempunyai variasi. Misalnya, entri *tuban-tuban*, di samping mempunyai makna dengan *tetuban*, *tuban-tuban* juga bervariasi dengan *ketuban* dan *tentuban*. Hal ini sangat menarik dari segi mencari keterikatan makna antara kata-kata yang berstatus kata ganda semu ini. Begitu juga dengan nama burung seperti *cawi-cawi* yang bukan sahaja bervariasi dengan *cecawi* tetapi juga bervariasi dengan *cecawi*.

Seterusnya terdapat pola kata ganda semu yang berasosiasi maknanya

dengan kata ganda separa, seperti yang membawa makna manusia (*laki-laki = lelaki*), makna fauna (*biri-biri = bebiri*, *jentik-jentik = jejentik*), makna flora (*kabu-kabu = kekabu*, *ribu-ribu = reribu*), makna yang menyerupai sesuatu pada kata dasar (*langit-langit = lelangit*, *siku-siku = sesiku*), sebagai penyangga (*kuda-kuda = kekuda*), anggota badan (*paru-paru = peparu*), dan makna sejenis kuih (*karas-karas = kekaras*). Keterikatan makna antara kedua-dua pola ini bukan sahaja wujud dalam entri yang bertaraf lema, malah wujud dalam prakategori dan sublema. Keterikatan makna ini menjadi petunjuk leksikografik yang penting, terutama sewaktu membuat pemerian bagi kata ganda semu dan kata ganda separa yang berkongsi makna leksikal yang sama. Konvensi yang tergambar dalam kamus-kamus Melayu hari ini memberi fokus takrifan pada pola kata ganda semu, termasuklah nama saintifik untuk kata ganda semu yang berstatus flora dan fauna. Namun, berdasarkan pembuktian data korpus, sudah ada kecenderungan keterikatan makna untuk beberapa item kata tersebut lebih memihak kepada pola kata ganda separa berbanding kata ganda semu.

iii. Kata Ganda Separa

Kata Ganda	KD	Status	KKBI	Status
bebiri	bebiri <i>biri-biri</i>	lema	tiada	
bebola	bebola	lema	tiada	
cecair	cecair → cair	r.s.	tiada	
dedaun	dedaun	lem.	tiada	
gegelang	gegelang	lem.	tiada	
jejari	jejari	lem.	tiada	
kekabu	kekabu	lem.	tiada	
lelabah	lelabah → labah-labah	r.s.	lelabah <i>labah-labah</i>	lem.
lelabi	lelabi → labi	r.s.	lelabi → labi-labi	r.s.
lelangit	lelangit <i>langit-langit</i>	lem.	lelangit → langit-langit	r.s.
sesawi	sesawi <i>sawi-sawi</i>	lem.	sesawi <i>sawi-sawi</i>	lem.
tetikus	tetikus	lem.	tetikus	lem.

Kata ganda separa dihasilkan dengan menggandakan sebahagian daripada kata dasar. Penggandaan pada kata dasar lazimnya melibatkan suku kata

pertama, dan letaknya pada bahagian hadapan kata dasar (Nik Safiah, *et al.*, 1996:78). Berdasarkan statistik KD dan KBBI, ternyata kedudukan kata ganda separa dalam KD lebih dominan penggunaannya berbanding KBBI. Dapatan ini diperkuatkan lagi berdasarkan penelitian terhadap bentuk kata ganda separa yang dimuatkan sedara keseluruhan, abjad demi abjad dalam KD dan KBBI.

Abjad	KD	KBBI
b	25	6
c	5	4
d	11	4
g	14	3
j	14	8
k	24	6
l	32	17
m	2	tiada
p	24	9
r	6	4
s	10	9
t	24	18

Jumlah Kata Ganda Separa dalam KD dan KBBI

Berdasarkan statistik ini terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi penggunaan kata ganda separa dalam bahasa Melayu yang dilihat lebih tinggi penggunaannya. Perbezaan ini ada hubungannya dengan penggunaan kata ganda separa dalam wacana tertentu yang difikirkan mempunyai keunikan tersendiri terutama dalam laras ilmiah seperti bidang peristilahan dan wacana puisi. Hampir keseluruhannya menggarapkannya sebagai lema berdasarkan kedudukannya yang mempunyai ciri bebas dan berpotensi diperluas pembentukannya. Misalnya:

dedaun lelaki pepohon
dedaunan kelelakian pepohonan

Bagaimanapun, terdapat beberapa entri yang menanganinya sebagai entri rujuk silang (*cecair*→*cair*, *lelabi*→*labi*, *lelangit*→*langit-langit*). Namun, ada beberapa perbezaan dari segi cara merujuk kepada lema lain. Dalam KD,

rujuk silang digunakan untuk merujuk kepada huraian lengkap yang terdapat pada kata dasar. Manakala dalam KBBI, di samping merujuk kepada kata dasar, rujuk silang juga merujuk secara langsung pada bentuk kata ganda semu yang diangkat sebagai lema. Apa pun, terdapat beberapa pola makna yang agak signifikan dalam kedua-dua buah kamus. Pertamanya, terdapat asosiasi makna antara kata ganda separa dengan kata ganda semu. Ini mengacu kepada bentuk kata ganda separa yang membawa makna manusia (*lelaki = laki-laki*), makna flora (*kekabu = kabu-kabu, sesawi = sawi-sawi*), makna fauna (*bebiri = biri-biri, lelabah = labah-labah, lelabi = labi-labi*), dan sebagainya. Kedua-dua pola ini bertimbal balik dan mendukung makna leksikal yang sama. Bagaimanapun, dari segi penentuan pemerian dalam kamus, terdapat kekalutannya. Berdasarkan bukti korpus, sudah ada kecenderungan penggunaan yang lebih tinggi terhadap pola kata ganda separa berbanding kata ganda semu yang mempunyai keterikatan makna yang sama seperti *jejari* berbanding *jari-jari*, *lelaki* berbanding *laki-laki*, *kekisi* berbanding *kisi-kisi* (Ibrahim Ahmad, 2000:158). Ini memberi petunjuk leksikografik, terutama maklumat nota pengguna yang penting yang mengubah konvensi yang sedia ada. Di samping itu, kekerapan penggunaan kata ganda separa begitu terserlah dalam KD untuk lema yang membawa makna khusus seperti *bebenang, cecair jejari, kekunci, tetikus* berbanding KBBI. Hatta, untuk lema yang membawa makna yang berkaitan dengan pola dasar seperti *bebola, gegelang, gegendang*, langsung tidak digunakan dalam wacana KBBI. Inilah keistimewaan yang terdapat dalam KD.

iv. Kata Ganda Berentak

Kata Ganda	KD	Status KKBI	Status
cangkih-mangkih	cangkih,~~mangkih	prak. cangkih, cangkih-mangkih	prak.
cola-cala	cola; ~-cala	prak. cola-cala	lem.
gelap-katub	gelap ~-katub	r.kt gelap ~ katub	r.kt
hina-dina	hina.. ~-dina	r.kt hina... ~dina	r.kt

Kata Ganda	KD	Status	KKBI	Status
jerah-jerih	jerah; ~--jerih	prak	jerah, jerah-jerih	prak.
kaya-roya	kaya ~--roya	r.kt	kaya ~ roya	r.kt
kayu-kayan	kayu kayu-kayan	subl.	kayu ~ kayan	r.kt
kering-kerontang	kering ~--kerontang	r.kt	kering ~ kerontang	r.kt
kerut-merut	kerut ~--merut	r.kt	kerut ~ merut	r.kt
kuih-muih	kuih ~--muih	r.kt	kuih ~ muih	r.kt
lauk-pauk	lauk ~--pauk	r.kt	lauk ~ pauk	r.kt
sayur	sayur sayur-mayur	subl.	sayur sayur-mayur	subl.
serbah-serbih	serbah; ~--serbih	prak.	serbah-serbih	lem.
suku-sakat	suku ~--sakat	r.kt	suku ~ sakat	r.kt

Kata ganda berentak dihasilkan dengan menggandakan kata dasar mengikut rentak bunyi tertentu dalam kata dasar. Seluruh kata dasar digandakan dan bunyi tertentu diulang atau diubah. Harimurti (1989:89), berpendapat bahawa kata ganda berentak atau dwilingga salin swara ialah pengulangan leksem dengan variasi fonem. Dalam kata ganda berentak, morfem kedua yang mendampingi morfem pertama atau sebaliknya tidak mempunyai makna leksikal dan kelasnya. Hanya setelah didampingi pada

morfem dasar tertentu barulah morfem yang berstatus kata ganda itu berfungsi sama ada mengekalkan atau mengubah makna. Ini disebut morfem unik (Amdun Husain, 1994:20). Ramlan (1978:50–51), pernah menyebut tentang morfem unik, tetapi dalam konteks kata majmuk. Dengan mengambil contoh *simpang-siur*, *simpang* tidak merupakan morfem unik kerana di samping *simpang* terdapat perkataan *ményimpang* dan *persimpangan*. Unsur *siur* merupakan morfem unik kerana bentuk ini tidak berkombinasi dengan bentuk lain, kecuali kata *simpang*. Dalam KD dan KBBI, kata ganda yang salah satu atau kedua-dua morfem bertaraf morfem unik diperlakukan sama ada sebagai lema, prakategori, sublema atau rangkaian kata. Unsur *cala* dan *serbih* merupakan morfem unik kerana bentuk ini tidak berkombinasi dengan bentuk lain, kecuali kata *cola* dan *serbah*. Kedua-duanya tidak dapat bertukar ganti dan kedudukannya dalam kamus tetap utuh. Dalam KBBI jika terdapat kata ganda yang salah satu atau kedua-dua morfem bertaraf morfem unik, kata tersebut akan diperlakukan sebagai lema (*cola-cola*, *serbah-serbih*). Ini tidak berlaku dalam KD. Kewujudan prakategori berlaku dalam KD dan KBBI (*cangkih-mangkih*, *jerah-jerih*). Ada juga yang bertaraf sublema (*kayu-kayan*, *sayur-mayur*). Namun, isu yang timbul ialah terdapat beberapa kata ganda dalam KD yang digarap sebagai gabungan kata dalam KBBI (misalnya, *gelap katub*, *hina dina*, *kaya raya*, *kayu kayan*, *kering kerontang*, *kerut merut*, *kuih muih*, *lauk pauk*, *suku sakat*). Tiadanya tanda sempang mengakibatkan kata tersebut diklasifikasikan sebagai gabungan kata kerana kata ganda ditulis sepenuhnya dengan menggunakan tanda sempang (-), yang dibubuh di bahagian kata yang diulang (Ismail Dahaman, 1996:36). Anton Moeliono (1993:388), juga mengatakan bahawa kata ganda atau bentuk ulang ditulis secara lengkap dengan menggunakan tanda hubung (-). Jika dianalisis pola yang bertaraf kata ganda dalam KD, yang diberi tataran sebagai gabungan kata dalam KBBI, dapat diperhatikan beberapa contoh kata ganda berentak yang membawa makna pelbagai jenis (*kayu-kayan*, *kuih-muih*, *lauk-pauk*), makna superlatif atau intensif (*gelap-katub*, *kaya-raya*, *kering-kerontang*), maka pertalian darah (*suku-sakat*) dan makna jamak (*kerut-merut*). KBBI memberi pengertian yang agak longgar tentang bentuk kata ganda berentak sehingga memberi kesan kepada kamus ekabahasa Melayu/Indonersia. Apakah morfem *kayan* yang berdampingan pada *kayu*, *muih* pada *kuih*, *pauk* pada *lauk*, *katub* pada *gelap*, *dina* pada *hina*, *kerontang* pada *kering*, *sakat* pada *suku* dan *merut* pada *kerut* boleh berdiri sebagai morfem bebas dan mempunyai makna leksikal dan kelasnya? Inilah ironi yang terdapat dalam KBBI walaupun diakui bentuk sedemikian dianggap ufuah dan tidak boleh bertukar pasangan dalam kamus.

v. Kata Ganda Berimbuhan

Kata Ganda	KD	Status KKBI	Status
1. Awalan (Kata ganda progresif)			
a. beR- berbondong-bondong	bondong berbondong-bondong	subl.	bondong berbondong-bondong subl.
b. meN- mengada-ada	ada mengada-ada	subl.	ada mengada-ada subl.
c. teR- terbayang-bayang	bayang terbayang-bayang	subl.	bayang terbayang-bayang subl.
d. se- sekali-kali	kali l sekali-kali	subl.	kali sekali-kali subl.
sekonyong-konyong	konyong; sekonyong-konyong	prak	sekonyong-konyong lem.
2. Kata Ganda Regresif			
balas-membalas	balas balas-membalas	subl.	balas balas-membalas subl.
kunjung-mengunjungi	kunjung kunjung-mengunjungi	subl.	kunjung kunjung-mengunjungi subl.
3. Akhiran			
a. -an buah-buahan	buah buah-buahan	subl.	buah buah-buahan subl.
habis-habisan	habis habis-habisan	subl.	habis habis-habisan subl.

Kata Ganda	KD	Status	KKBI	Status
4. Apitan				
a. beR-an				
bercinta-cintaan	cinta bercinta-cintaan	subl.	cinta bercinta-cintaan	subl.
b. meN~~kan				
memisah-misahkan	pisah memisah-misahkan	subl.	pisah memisah-misahkan	subl.
c. mempeR~~kan				
memperamat-amatkan	amat memperamat-amatkan	subl.	amat memperamat-amatkan	subl.
d. ke~~an				
kebiru-biruan	biru kebiru-biruan	subl,	biru kebiru-biruan	subl.
e. se~~an				
sehari-harian	hari sehari-harian	subl.	hari seharian-harian	subl.
f. se~~nya				
sebaik-baiknya	baik sebaik-baiknya	subl.	baik sebaik-baiknya	subl.
5. Sisipan				
a. -em				
sinar-seminar	sinar ~~seminar	r.kt	sinar sinar-seminar	subl.
tali-temali	tali ~~temali	r.kt	tali ~ temali	r.kt
turun-temurun	turun ~~temurun	r.kt	turun turun-temurun	subl.
6. Suku Kata Akhir				
perlahan-lahan	perlahan=perlahan-lahan var.		perlahan perlahan-lahan	subl.
pertama-tama	pertama pertama-tama	subl.	pertama pertama-tama	subl.

Kata Ganda	KD	Status	KKBI	Status
<i>7. Kata Ganda Separa Berimbuhan</i>				
cair	tiada		cair cecairan	subl.
pepohon	pohon pohon-pohon; pepohonan	subl.	pohon pohon-pohonan pepohonan	subl.
sewangian	wewangian...	lem.	wangi.. wewangian...	subl

Kata ganda berimbuhan merupakan kata ganda yang menerima imbuhan sama ada imbuhan awalan, akhiran, apitan, dan sisipan. Ada pendapat yang mengatakan jika imbuhan wujud pada unsur pertama, ini disebut sebagai kata ganda progresif (mis *bersiar-siar*). Jika imbuhan wujud pada unsur kedua, ini disebut sebagai kata ganda regresif (mis *bantu-membantu, ziarah-menziarahi*). Terdapat pelbagai pola dari segi status masukan dalam kata ganda berimbuhan. Ada yang diberi tataran sebagai lema, sublema dan rangkai kata. Status masukan kata ganda yang menerima imbuhan awalan (*beR-*, *meN-*, *teR-*, *se-*), akhiran (*-an*), apitan (*beR---an*, *meN---kan*, *mempeR---kan*, *ke---an*, *se---nya*), disifatkan agak seragam sebagai sublema kecuali beberapa contoh dalam KD yang mempunyai unsur setara serta bervariasi. Namun, dalam KKBI, timbul persoalan bagaimana entri *sekonyong-konyong* diberi kedudukan sebagai lema. Apakah perkataan *sekonyong* merupakan morfem bebas yang tidak menerima imbuhan awalan *se* untuk didampingkan pada morfem bebas *konyong*. KD, dan kamus-kamus lain seperti *Kamus Pelajar* (1987:355), memberikan taraf sebagai prakategori yang menjelaskan bahawa awalan *se* didampingkan kepada leksem *konyong* untuk membawa makna leksikal yang utuh. Begitu juga terdapat ketidakseragaman sewaktu menangani pola imbuhan yang mempunyai unsur sisipan (*-em*) kerana perbezaan status masukan. Antara KD dengan KBBI, terdapat perbezaan yang menerapnya sama ada sebagai rangkai kata atau sublema. Namun, isu besar yang timbul ialah apabila bentuk sedemikian digarap sebagai gabungan kata dalam KBBI berbanding KD yang secara konsisten menerapkannya sebagai kata ganda (mis *tali-*

temali). Leksem *temali* dianggap morfem unik kerana *temali* tidak bermakna jika tidak didampirkan kepada leksem *tali*. Kedudukan *temali* secara utuh terikat dengan tali dan tidak boleh bertukar pasangan.

Di samping itu, terdapat pola kata ganda yang kewujudannya tidak sekerap bentuk kata ganda berimbunan yang lain, iaitu kata ganda yang menerima suku kata akhir seperti *pertama-tama* dan *perlahan-lahan*. Antara KD dan KBBI, terdapat pola masukan yang tersendiri, sama ada sebagai variasi yang berfungsi sebagai lema dan sublema. Kata ganda berimbunan yang berunsur suku kata akhir ini mendukung makna leksikal yang sama dalam KD dan KBBI. Begitu juga dengan satu bentuk kata ganda yang disebut kata ganda separa berimbunan. Dalam kamus-kamus Melayu, intensiti penggunaannya tidaklah tinggi berbanding dengan bentuk kata ganda yang lain. Namun, kata ganda berimbunan mempunyai peranan yang tersendiri dalam korpus bahasa Melayu yang melambangkan kreativiti penutur asli menggunakannya dalam wacana tertentu. Terdapat dua cara pemasukan di dalam kamus, sama ada sebagai lema (*wewangian*) atau sublema (*dedaunan*, *pepohonan*, *rerumputan*). Dalam KD, terdapat unsur setara yang menggambarkan pola kata ganda separa berimbunan berasosiasi maknanya dengan kata ganda berimbunan yang berunsur akhiran *-an*. (mis *dedaunan* = *daun-daunan*, *pepohonan* = *pohon-pohonan*, *rerumputan* = *rumpit-rumputan*). Pola ini sama kaitannya antara kata ganda semu dengan kata ganda separa. Jika terdapat korelasi makna antara kata ganda semu dengan kata ganda separa, begitu juga yang berlaku antara kata ganda separa berimbunan dengan kata ganda berimbunan yang berunsur akhiran *-an*. Namun, terdapat pola dalam KBBI seperti *cecairan* yang mendukung makna khusus yang tidak digunakan dalam wacana bahasa Melayu. Walaupun mendukung makna leksikal yang sama, perkataan *cecairan* tidak digunakan dalam terminologi BM seperti halnya perkataan *cecair* tidak digunakan dalam terminologi BI.

RUMUSAN

Penyusunan kamus, terutama kamus ekabahasa bertolak daripada andaian bahawa bahasa tersebut mempunyai bahasa bakunya (Gallardo, 1977:61). Kata-kata yang dijadikan entri dalam kamus merupakan catatan yang autentik tentang norma baku sesuatu bahasa berasaskan data korpus yang dibina. Pembakuan melalui kamus akan meningkatkan keselarasan dan keberkesanan bahasa tersebut. Kamus juga akan meningkatkan keefisienan bahasa dari segi pengembangan bahasa dengan membakukan ejaan, sebutan,

tatabahasa, dan sebagainya (Abdullah Hassan, 1989:112). Sehubungan dengan itu, bentuk kata ganda harus ditangani secara teliti. Para penyusun kamus harus membuat keputusan yang bijak berasaskan rumus linguistik yang disepakati oleh ahli-ahli bahasa serta berdasarkan pembuktian data korpus yang mungkin memberi input baru dalam proses penyusunan kamus. Kamus disusun atas pertimbangan praktis yang dikembangkan melalui kreativiti dan inovasi penyusunnya. Oleh sebab itu, konvensi yang sedia ada perlu digilap dengan menyerapkan segala inovasi untuk menjadikan metabahasa sesebuah kamus itu lebih mapan dan mesra pengguna. Ada beberapa saranan untuk memastikan dan memantapkan pola penerapan kata ganda dalam kamus-kamus Melayu. Pertama, perlu ada alasan ilmiah untuk mengklasifikasikan kata ganda penuh bertaraf lama. Memandangkan bahawa beberapa buah kamus Melayu seperti KD, yang belum mempunyai kelas kata, maka agak sukar untuk menentukan statusnya sebagai lema seperti KBBI yang meletakkan leksem *kalau-kalau* sebagai lema. Di samping itu, perlu ada ketekalan penerapannya di dalam kamus. Jika benarlah leksem *kalau-kalau* berfungsi sebagai partikel kerana tidak menjana kata terbitan, bagaimana pula dengan leksem-leksem lain yang berstatus kata tunggal seperti *tentang*, *untuk* yang boleh menjana kata terbitan tetapi diberi kelas kata partikel seperti dalam KBBI?

Kedua, semua kata ganda semu harus digarap sebagai lema. KBBI telah mula mengangkat taraf kata ganda semu sebagai lema dan usaha ini perlu dicontohi oleh kamus-kamus Melayu lain. Kata ganda semu terbentuk dengan menggandakan seluruh kata dasar kerana kata dasarnya tidak bermakna jika tidak digandakan. Sehubungan dengan itu, adalah wajar pola sedemikian diangkat sebagai lema demi kejituan maklumat morfologi tersebut.

Ketiga, kedudukan kata ganda separa agak konsisten dalam beberapa buah kamus Melayu yang menerapkannya sebagai lema. Namun, keterikatan makna antara kata ganda separa dengan kata ganda semu perlu dilihat kembali. Amalan membuat takrifan lengkap dalam kata ganda semu dan hanya mendampingkan kata ganda semu sebagai takrifan dalam kata ganda separa harus ditangani secara bijaksana. Ini setelah terdapat pembuktian data korpus seperti *lelaki*, *jejari*, dan *kekisi* yang mempunyai darjah penggunaan yang tinggi berbanding *laki-laki*, *jari-jari*, dan *kisi-kisi*. Di samping itu, bersesuaian dengan organisasi entri kamus masa kini, konvensi leksikografi yang mengutamakan persembahan huraian secara kronologi atau secara sejarah, sedikit demi sedikit diambil alih berdasarkan kekerapan penggunaannya dalam korpus. Kaedah ini lebih bersifat praktis dan

menggambarkan bagaimana sesuatu kata digunakan secara alamiah dalam konteks keidiomatikan bahasa tabii.

Keempat, untuk menentukan taraf sesuatu kata sama ada bertaraf kata ganda atau gabungan kata, elemen morfem unik memainkan peranan penting. Ini jelas terlibat untuk kata ganda berentak yang digarap secara berlainan dalam KD dan KBBI. Terdapat seperti dikotomi antara kedua-dua buah kamus tersebut apabila KBBI memberi pengertian yang longgar untuk beberapa kata yang sepatutnya tergolong sebagai kata ganda. Bagi Asraf (1995:203), salah satu ciri yang membezakan kata ganda bersajak (berentak) ialah salah satu atau kedua-dua komponen tidak bermakna. Tidak timbul soal *pauk* pada *lauk*, *muih* pada *kuih* sebagai morfem bebas kerana keterikatannya lebih berupa kata yang tidak mempunyai makna leksikal dan tidak boleh bertukar pasangan.

Dan, kelima, untuk kata ganda berimbuan, konsep setara yang wujud dalam KD sama ada dalam prakategori, sublema dan rangkai kata perlu dipisahkan sebagai unit tersendiri. Hal ini kerana tidak banyak membantu pengguna kerana fungsi kata-kata berimbuan yang menerima imbuhan awalan, akhiran, sisipan, apitan itu boleh membentuk kata dan mengubah kelas kata. Malah, terdapat leksem yang membawa pelbagai makna seperti makna kausatif, benefaktif, lokatif, transitif, intransitif, hasil, proses, dan sebagainya. Penggunaan konsep setara ini menimbulkan banyak kekaburan dan tidak relevan dengan konsep mesra pengguna dalam proses penyusunan kamus mutakhir.

Realiti yang berlaku dalam kamus-kamus Melayu menampakkan beberapa kerancuan dalam pengendalian kata ganda sehingga disifatkan oleh sarjana bahasa sebagai aspek yang jelas masih bermasalah. Sesungguhnya persoalan ini perlu dilihat kembali agar kamus yang menjadi wadah kosa kata sesuatu bahasa tidak terus menghadapi dilema dalam proses memartabatkan perkamusan Melayu/Indonesia di persada dunia.

BIBLIOGRAFI

- Abdullah Hassan, 1984. "Morfologi dan Perkamusan". Kertas kerja dalam Bengkel Teori dan Amali Perkamusan, anjuran DBP, Kuala Lumpur, 9–21 Julai 1984.
- Abdullah Hassan, 1986. *Penerbitan Kata dalam Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Amdun Husain, 1994. "Morfologi dalam Pembinaan Bahasa Melayu". Disertasi Sarjana Sastera, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

- Arbak Othman, 1981. *Tatabahasa Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise.
- Asmah Haji Omar, 1986. *Nahu Melayu Mutakhir* (Edisi Baru). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1987. "Perkamusan Melayu: Suatu Penilaian". "Kertas Kerja Syarahan Memperingati Ulang Tahun Kesepuluh Koleksi Kebangsaan Perpustakaan Universiti Malaya" pada 26 Januari 1987. Kuala Lumpur: Perpustakaan Universiti Malaya.
- Crawford, John, 1852. *A Grammar and Dictionary of Malay Language*.
- Hartmann, R.R.K, James, Gregory, 1998. *Dictionary of Lexicography*. London and New York: Routledge.
- Ibrahim Ahmad, 2000. "Pengendalian Kata Ganda dalam *Kamus Dewan* dan *Kamus Besar Bahasa Indonesia*: Suatu Kajian Perbandingan". Disertasi Sarjana Sastera, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Ibrahim Ahmad, 1994. *Perkamusan Melayu: Suatu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jackson, Howard, 1988. *Words and Their Meaning*. Longman.
- Kamus Besar Bahasa Indonesia* (Edisi Kedua), 1997. Departemen Pendidikan dan Kebudayaan: Balai Pustaka.
- Kamus Dewan* (Edisi Ketiga), 1994. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Linguistik*, 1997. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Pelajar*, 1987. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kridalaksana, Harimurti, 1983. *Kamus Linguistik*. Jakarta: P.T. Gramedia.
- Kridalaksana, Harimurti, 1989. *Pembentukan Kata dalam Bahasa Indonesia*. Jakarta: P.T Gramedia.
- Liau Yock Fang dan Abdullah Hassan, 1994. *Nahu Melayu Moden*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Lipka, Leonhard, 1992. *An Outline of English Lexicology*. Max Niemeyer Verlag GmbH.
- McArthur, Tom, 1992. *The Oxford Companion to the English Language*. Oxford University Press.
- Marsden, William, 1812. *Dictionary of the Malayan Language*. London: Cox and Baylis.
- Mohd. Asraf Abdul Wahab (Asraf). "Beberapa Masalah Perkamusan Melayu" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* hlm. 196–210, Mac 1995.
- Newell, Leonard E. 1995. *Handbook on Lexicography for Philippine and Other Languages*. Manila.
- Nik Safiah Karim *et al.*, 1996. *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramlan, M. 1978. *Morfologi: Suatu Tinjauan Deskriptif*. Yogyakarta: UB Karyono.
- Simatupang, M.D. 1983. *Reduplikasi Morfemis Bahasa Indonesia*. Penerbit Djambatan.

- Siti Hawa Haji Salleh, 1994. "Tiada Kata Secantik Bahasa: Keperluan untuk Suatu Kamus Melayu Filologi di Peringkat Nasional dan Antarabangsa". Kertas Kerja dalam Seminar Perkamusan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 20–21 Disember 1994.
- Svensen, Bo. 1993. *Practical Lexicography*. Oxford: Oxford University Press.
- Teeuw, A. "Tentang Penggandaan dalam Rangka Morfologi Bahasa Indonesia" dlm. *Bahasa*, hlm. 37–49, 1963.
- Wilkinson, R.J. 1959. *A Malay English Dictionary*.
- Winstedt, Richard, 1960. *Kamus Bahasa Melayu*.
- Yusuf Hitam. "Kamus Melayu Sejak 1511" dlm. *Dewan Bahasa*, April–Mei 1961.
- Zainal Abidin Ahmad (Za'ba), 1965. *Pelita Bahasa Melayu Penggal I*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zgusta, Ladislav, 1971. *Manual of Lexicography*. Mouton: Hague.
- Zgusta, Ladislav, 1980. *Theory and Method in Lexicography*. Columbia: Hornbeam Press Incorporated.